

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PELAKSANAAN PORTFOLIO KERJA KURSUS
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL
DI SEKOLAH MENENGAH**



NORAZMYRA BT YAHYA

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2011**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PELAKSANAAN PORTFOLIO KERJA KURSUS
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL
DI SEKOLAH MENENGAH**

NORAZMYRA BT YAHYA

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

29.04.2011

NORAZMYRA BT YAHYA
M20072000729

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Allah S.W.T. kerana telah diberi kekuatan fizikal dan mental menyiapkan kajian ini. Saya bersyukur dan mendoakan kepada semua yang sentiasa membimbing, memberikan dorongan dan semangat dilimpahi rahmat oleh Allah s.w.t. Jutaan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya yang sangat tekun dalam menyumbangkan idea, ilmu, masa dan tenaga dalam membimbing, menasihati, memberikan komen serta meningkatkan celik akal saya dalam memberikan panduan secara ilmiah serta profesional sepanjang penulisan disertasi ini. Kepada Prof. Madya Hj. Ibrahman bin Hassan yang mempunyai kepakaran saya ucapkan jutaan terima kasih. Tidak dilupakan Dr. Abdul Halim Husin, Dr. Md. Nasir Ibrahim, Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi dan Dr. Ahmad Suhaimi Mohd Noor jutaan terima kasih diucapkan. Tidak lupa kepada Prof. Dr. Othman Lebar dan Dr. Khuan Wai Bing terima kasih sekali lagi. Kepada Allah s.w.t. saya mohon mereka serta keluarga sentiasa diberikan rahmat dan hidayahNya. Kepada pembaca disertasi, semua pensyarah dan juga kakitangan Pejabat Am Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif dan Institut Pengajian Siswazah, ucapan terima kasih kerana sentiasa memberi bantuan dari semasa ke semasa. Kepada pihak Kementerian Pendidikan, khususnya Bahagian Pendidikan Guru yang memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian terutama galakan dan sokongan mereka. Kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan juga diucapkan terima kasih kerana memberi kelulusan untuk saya meneruskan kajian di lapangan. Kepada pihak Bahagian Biasiswa yang sentiasa menjaga kebajikan saya selama ini. Kepada sekolah, guru pembimbing dan peserta kajian saya dahului ucapan berbilang terima kasih atas sokongan dan sumbangan, tenaga, buah fikiran dan masa yang dikongsikan bersama-sama. Kepada ayahanda dan bonda serta suami, Jeffri Idris dan anakanda Julia Qistina pengorbanan yang dicurahkan tiada ternilai. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menjadi pendorong kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga tamat diucapkan terima kasih.

Norazmyra bt Yahya

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat dengan jelas pelaksanaan penghasilan portfolio pelajar, mengetahui bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar semasa melaksanakan portfolio dan menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio. Ia melibatkan pelajar Tingkatan Lima yang telah selesai menghasilkan portfolio di salah sebuah sekolah menengah harian di Hilir Perak, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif khususnya kajian kes intrinsik. Seramai empat orang pelajar Tingkatan Lima dan seorang guru pembimbing dipilih untuk kajian ini. Data-data diperoleh melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pemerhatian telah dijalankan ke atas bilik seni dan persekitaran sekolah. Analisis dokumen adalah berasaskan kepada Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Kerja Kursus Pendidikan Seni Visual Kajian Rekaan Seni Visual Kertas 3 dan portfolio pelajar. Data daripada temu bual ditranskrip secara manual dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan menunjukkan garis panduan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia telah diikuti oleh guru pembimbing dalam melaksanakan portfolio pelajar. Ini termasuk menyelia, membimbing, memantau dan merekod pencapaian secara berterusan. Dapatan juga menunjukkan bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar adalah daripada bantuan guru pembimbing, bantuan rakan sebaya dan bantuan pihak sekolah. Kajian juga menunjukkan guru pembimbing, rakan sebaya, pihak sekolah, keluarga, kewangan, kesediaan diri dan faktor masa adalah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam melaksanakan portfolio mereka. Kesimpulan kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan portfolio Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual memerlukan komitmen daripada guru pembimbing. Bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar perlu juga diberi perhatian sebaik-baiknya dalam menjamin pelaksanaan proses kerja penghasilan portfolio berjalan dengan baik. Cadangan untuk meningkatkan penghasilan portfolio termasuklah kursus dalaman untuk guru pembimbing, Program Sehari Bersama Peer Group, modul latihan, bengkel mewarna, Kelas Nano Achievement dan Kem Seni.

ABSTRACT

IMPLEMENTATION OF COURSEWORK PORTFOLIO FOR VISUAL ART EDUCATION AT A SECONDARY SCHOOL

The study was carried out to get clear insights on the completion of students' portfolios, the extent of assistance given to the students and factors that influenced the students in completing the portfolios. It involved the Form Five students in a secondary school in Hilir Perak, Perak. The study used the qualitative method of an intrinsic case study. There were four students and a teacher adviser selected for the study. Data were collected using observations, interviews and document analysis. Observations were conducted on the Art Room and school's surrounding area. Document analysis was based on the Guide Book for the Implementation and Evaluation of the Coursework for Visual Art Education and students' portfolios. Data from the interviews were transcribed manually and analysed using content analysis method. Results showed that guidelines from the Malaysian Examinations Syndicate were followed by the teacher in the completion of the students' portfolios. These included supervising, guiding, observing and continually recording students' progress. Results also indicated that students did get assistance from their teacher adviser, peers and the school. The study also found that the teacher adviser, school, families, financial, self readiness and time were the factors that influenced the students in completing their portfolios. It was concluded that the coursework portfolio implementation for the Visual Art Education subject required commitment from the teacher adviser. Assurances received by the students and the influencing factors also required proper considerations in ensuring the portfolio completion process was well implemented. The suggestions made were to conduct in-house courses for teacher advisers, A Peer Group Day, training module, colouring workshop, Nano Achievement classes and Art Camp.

KANDUNGAN**Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	
Rajah 1.1 Kerangka Konseptual	14
Rajah 2.1 Proses amalan refleksi Schon	38
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Tujuan dan Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Kerangka Konseptual	14
1.7 Fokus Kajian	18
1.8 Definisi Operasional	18
1.9 Rumusan	20
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.0 Pendahuluan	21
2.1 Portfolio	22

2.2	Portfolio Pendidikan Seni Visual dan Penilaian	26
2.3	Pelaksanaan Portfolio Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual dan Penilaian	34
2.4	Pendekatan Teori-teori Pembelajaran yang Berkaitan	43
2.4.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	43
2.4.2	Teori-teori pembelajaran lain yang berkaitan	49
2.5	Bantuan dan Faktor Mempengaruhi pelajar	51
2.5.1	Bantuan dan Faktor Guru Pembimbing	51
2.5.2	Bantuan dan Faktor Pihak Sekolah	60
2.5.3	Bantuan dan Faktor Rakan Sebaya	64
2.5.4	Faktor Masa	67
2.5.5	Faktor Kewangan, Keluarga dan Kesediaan Diri	68
2.6	Rumusan	71
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Kajian Kes	75
3.4	Lokasi Kajian	79
3.5	Responden Kajian	83
3.6	Kajian Rintis	88
3.7	Instrumen Kajian	90
3.8	Kaedah Pemerhatian	92
3.9	Kaedah Temu Bual	93

3.10	Analisis Dokumen	99
3.11	Prosedur Pemerolehan Data	101
3.12	Rancangan Kajian	104
3.13	Etika Kajian	105
3.14	Data Penyelidikan	107
3.15	Proses Penganalisisan Data	107
3.16	Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	110
3.17	Proses Pengekodan Data	117
3.18	Kesimpulan	121

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	123
4.2	Profil Peserta Kajian	124
4.2.1	Profil Peserta Kajian (Pelajar)	125
4.2.1.1	Profil Peserta Kajian (SK1)	126
4.2.1.2	Profil Peserta Kajian (SK2)	127
4.2.1.3	Profil Peserta Kajian (SK3)	128
4.2.1.4	Profil Peserta Kajian (SK4)	129
4.3	Profil Peserta Kajian Guru (GB)	131
4.3.1	Profil Peserta Kajian Guru (GB)	131
4.4	Pelaksanaan Portfolio Pelajar oleh Guru Pembimbing	133
4.5	Bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar semasa melaksanakan portfolio	148
4.6	Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan Portfolio	163

4.7	Rumusan	174
-----	---------	-----

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	176
5.2	Ringkasan Kajian	177
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	180
5.3.1	Pelaksanaan penghasilan portfolio pelajar	182
5.3.2	Bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar	192
5.3.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar	198
5.4	Kesimpulan	202
5.5	Batasan Yang dikenalpasti Sesudah Kajian	205
5.6	Cadangan Meningkatkan Penghasilan Portfolio	206
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	209

RUJUKAN	212
----------------	-----

LAMPIRAN

LAMPIRAN A : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dasar Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN B : Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak

LAMPIRAN B1: Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah

LAMPIRAN B2 : Surat Memohon Kebenaran Ibu bapa Peserta Kajian

LAMPIRAN C : Borang Pemerhatian Bilik Seni

LAMPIRAN D : Soalan temu bual dengan peserta kajian guru

LAMPIRAN E : Soalan temu bual dengan peserta kajian pelajar

LAMPIRAN F : Borang analisis data temu bual

LAMPIRAN G : Borang analisis data pemerhatian

LAMPIRAN I : Soalan kerja kursus tugas 3

LAMPIRAN J : Soalan kerja kursus tugas 6

LAMPIRAN K1 : Rekod pemantauan kerja kursus SPM 2611/3 tahun 2008

LAMPIRAN K2 : Rekod pemantauan kerja kursus SPM 2611/3 tahun 2008

LAMPIRAN L : Borang progress markah calon

LAMPIRAN M : Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Kerja Kursus Pendidikan Seni

Visual Kajian Rekaan Seni Visual Kertas 3 Februari Hingga Julai

LAMPIRAN N : Pengkodan

LAMPIRAN O : Matriks Pengumpulan Data

SENARAI GAMBAR

Bimbingan lukis dan olah SK1

Bimbingan lukis dan olah SK2

Bimbingan lukis dan olah SK3

Bimbingan lukis dan olah SK4

Bimbingan daripada guru pembimbing sekolah lain

Bimbingan dan tunjukajar diberi secara berkumpulan

Rekod pemantauan kerja kursus SK1 siap dipenuhi

Rekod pemantauan kerja kursus SK3

Rekod pemantauan kerja kursus SK2

Rekod pemantauan kerja kursus SK4

Berkolaborasi di dalam kumpulan

Kemahiran individu dapat dipertingkatkan semasa pelajar berkolaborasi dengan rakan

Bilik Seni yang disediakan

Kemudahan Pusat Sumber Sekolah

Kemudahan Bilik Komputer



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan penghasilan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual dari aspek pelaksanaan oleh guru pembimbing, bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio. Penghasilan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia adalah salah satu elemen penting yang perlu dihasilkan oleh pelajar.

Sepanjang pelaksanaan penghasilan portfolio ini pelajar berhadapan dengan situasi yang memerlukan komitmen yang tinggi. Sebagai pelaksana utama kerja kursus pelajar turut dibantu oleh guru pembimbing dalam penghasilan portfolio dan produk akhir. Tomhave (1999) mendefinisikan portfolio sebagai koleksi hasil kerja pelajar yang

menyatakan tujuan tertentu serta mempamerkan kepada pelajar dan mereka yang lainnya segala usaha dan pencapaian pelajar dalam satu atau lebih bidang yang diceburi. Pelaksanaan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dengan guru pembimbing yang dilantik oleh pihak sekolah.

Bermula dengan tindakan yang diambil oleh guru pembimbing sejajar dengan arahan-arahan dan kehendak-kehendak daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia pelaksanaan portfolio perlu disiapkan oleh pelajar antara bulan Februari hingga Julai bagi tahun semasa. Pengkaji melihat kajian perlu dibuat terhadap cara bagaimana portfolio itu dilaksanakan oleh guru pembimbing samada telah mengikuti sepenuhnya arahan dan kehendak daripada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia atau sebaliknya. Begitu juga dengan bantuan yang diterima oleh pelajar semasa melaksanakan portfolio dan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka proses pelaksanaan menghasilkan portfolio.

Guru pembimbing ditugaskan untuk menyelia, membimbing, memantau dan merekod pencapaian dari semasa ke semasa sepanjang pelaksanaan kerja kursus (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Di samping itu warga akademik sekolah yang terdiri daripada pengetua hinggalah tenaga pengajar secara tidak langsung bersama-sama menghulurkan bantuan dari pelbagai sudut. Sekolah secara umumnya memainkan peranan penting dalam membantu pelajar untuk menyatakan ekspresi diri secara artistik dengan adanya peluang melukis dan mewarna melalui subjek Pendidikan Seni Visual (Yadav, 2002).

Prasarana yang berkaitan dengan kerja kursus mestilah disediakan oleh pihak sekolah. Guru pembimbing pula berperanan sebagai fasilitator dan pembimbing. Pengetahuan sedia ada dan pengalaman pelajar tentang portfolio perlu ada pada diri pelajar dan guru pembimbing mestilah memastikan kedua-dua elemen berkenaan telah sedia ada. Ini sejajar dengan pendapat yang menyatakan bahawa dalam proses pembelajaran pelajar menjadikan pengalaman sebagai asas belajar untuk menerima pengetahuan baharu.

Moore dan Knoll (dalam Waras Kamdi, 2008) ada menyatakan bahawa John Dewey menegaskan pengalaman adalah elemen yang penting dalam proses pembelajaran. Pelajar akan menggunakan pengetahuan sedia ada dan pengalaman dalam menerima ilmu yang sedang dipelajari. Melalui proses pembelajaran pengalaman yang belum pasti akan dapat ditentukan oleh pelajar setelah menjalani proses tersebut. Guru pembimbing akan melaksanakan proses penilaian secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti luar bilik darjah. Pelajar akan dinilai berdasarkan proses menghasilkan produk meliputi portfolio dan penghasilan artifak (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008).

Dalam Kurikulum Bersepadu sekolah Menengah (KBSM) terdapat mata pelajaran elektif seperti Pendidikan Seni Visual. Pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pelajar tingkatan 5 boleh memilih untuk mendaftar sebagai calon bagi kertas Pendidikan Seni Visual 2611. Calon yang mendaftar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia wajib menduduki Kertas 1 (2611/1) Teori Seni, Kertas 2 (2611/2)

Seni Halus dan Kertas 3 (2611/3) Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual yang mementingkan kefahaman, kemahiran, dan aplikasi serta kesedaran tentang nilai estetika dalam penghasilan KRSV (Kajian Rekaan Seni Visual).

Portfolio kajian dan artifak adalah 2 elemen yang terkandung di dalam Kerja Kursus Rekaan Seni Visual Pendidikan Seni Visual (2611/3) serta sebagai instrumen penilaian. Hasil kerja akhir dalam kerja kursus KRSV meliputi portfolio dan penghasilan produk. Penilaian adalah berdasarkan kepada proses penghasilan sesuatu artifak dalam satu folio kajian. Ini secara langsung menyatakan portfolio yang dihasilkan oleh pelajar KRSV adalah amat penting untuk proses pemarkahan bagi tujuan penilaian. Lakaran-lakaran dan perkembangan idea diolah untuk mewujudkan satu produk berdasarkan kajian yang telah dibuat di dalam portfolio.

Bidang cakupan KRSV pula terdiri daripada bidang kraf, komunikasi visual, seni halus dan reka bentuk. Daripada 4 bidang tersebut terdapat 34 tajuk yang boleh dikemukakan sebagai tugas, tetapi hanya 9 tugas sahaja akan diajukan kepada calon dalam tahun semasa. Pemilihan soalan dilakukan oleh calon dengan dibimbing oleh guru pembimbing bersandarkan kebolehan secara menyeluruh semua calon. Berdasarkan maklumat daripada guru pembimbing calon daripada sekolah yang dipilih oleh pengkaji memilih soalan daripada tajuk batik, papan tanda dan anyaman dimensi baru.

Berdasarkan soalan yang telah dipilih, calon perlu menghasilkan kajian portfolio ke arah penghasilan produk dan menghasilkan produk akhir sebagai artifak (Lembaga

Peperiksaan Malaysia, 2004). Sepanjang proses pelaksanaan kerja kursus ini dijalankan calon akan dibimbing oleh guru pembimbing untuk mencari, menganalisa, mengolah serta mencerakinkan minda bagi menghasilkan portfolio dan produk akhir yang berkualiti. Kajian Rekaan Seni Visual memerlukan calon menyempurnakan tugas yang diberi dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Kajian portfolio yang dihasilkan oleh calon akan dinilai berasaskan kepada elemen, aspek, dan kriteria penskoran. Guru pembimbing ditugaskan untuk memantau, menyelia, menilai dan membimbing hasil kerja pelajar dari semasa ke semasa dan segala prasarana dan peralatan hendaklah disediakan oleh pihak sekolah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Markah penilaian juga diberikan oleh guru pembimbing dan dipantau oleh pentaksir kawasan sebelum diserahkan kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Markah untuk portfolio sebanyak 75% markah daripada markah keseluruhan. Markah untuk artifak adalah sebanyak 25%. Di samping itu pelajar juga didapati tidak kreatif dalam mengolah idea dan kurang berkemahiran dalam melukis dan mewarna. Guru pembimbing memainkan peranan penting dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Kajian Rekaan Seni Visual berjalan dengan lancar. Sepanjang proses penghasilan portfolio berdasarkan maklumat daripada guru pembimbing terdapat segelintir pelajar yang mengharapkan guru pembimbing untuk membantu mereka melaksanakan proses kerja penghasilan portfolio seperti mengolah idea dan kemahiran melukis dan mewarna berkaitan soalan pilihan. Ini

mencerminkan pelajar berkenaan berhadapan dengan kekurangan pengetahuan sedia ada tentang aspek tersebut.

Daripada kajian secara umum yang dijalankan didapati bahawa pelaksanaan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan yang dijalankan oleh guru pembimbing, aspek-aspek bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio kerja kursus tersebut. Berasaskan kajian terdahulu, maka pengkaji terdorong untuk mengumpul maklumat berkaitan pelaksanaan portfolio Kajian Rekaan Seni Visual. Dalam erti kata lain bagaimana penghasilan portfolio pelajar dilaksanakan oleh guru pembimbing, bagaimana pelajar menerima bantuan semasa melaksanakan portfolio dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio.

1.2 Pernyataan masalah

Cara bagaimana guru pembimbing melaksanakan penghasilan portfolio pelajar adalah sangat penting supaya proses kerja dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka semasa melaksanakan portfolio dapat menolong pelajar menghasilkan portfolio dengan lancar dan berkualiti. Menjadi satu tanggungjawab yang penting untuk guru pembimbing melaksanakan segala arahan dan kehendak yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Masalahnya adalah masih terdapat guru pembimbing yang tidak dapat menjalankan tugas yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk melaksanakan portfolio pelajar. Mengikut Azizah (2006) 54 daripada 70 orang responden tidak dibekalkan dan diberikan penerangan oleh guru pembimbing. Ini menunjukkan bahawa guru pembimbing tidak dapat menjalankan tugas yang ditetapkan semasa pelaksanaan portfolio pelajar.

Pelbagai cabaran yang perlu ditempuh oleh pelajar sebagai pelaksana utama untuk menghasilkan portfolio mereka. Bersandarkan maklumat yang sering diperkatakan oleh guru pembimbing, pelajar tiada motivasi diri dalam menyiapkan portfolio kerja kursus. Masalahnya adalah bagaimana bantuan yang diperlukan oleh pelajar seperti bimbingan oleh guru pembimbing, bantuan rakan sebaya, dan bantuan pihak sekolah semasa mereka melaksanakan portfolio kerja kursus telah diterima.

Dalam kajian Azizah (2006) menyatakan bahawa hanya 65.7% daripada 70 responden bersetuju guru pembimbing sentiasa membantu menyelesaikan masalah dalam melaksanakan portfolio. Manakala masih terdapat 34.3% responden yang menyatakan mereka tidak diberi bimbingan sepenuhnya semasa melaksanakan portfolio. Bimbingan amat diperlukan untuk proses kerja seperti mempelbagaikan penggunaan alat dan bahan. juga memerlukan bimbingan dan pemantauan berterusan daripada guru pembimbing.

Bilik seni yang kondusif amat penting untuk pelajar melaksanakan tugas dengan sempurna. Pelajar menghadapi masalah membuat kerja-kerja menghasilkan portfolio

dalam ruang kerja yang sempit dan tidak dapat menampung jumlah pelajar yang bersesuaian. Masalah yang ketara juga adalah pelajar tidak dapat berkarya dengan baik kerana bekalan peralatan melukis dan mewarna seperti kertas lukisan dan berus warna yang tidak mencukupi dan sudah tidak boleh digunakan lagi. Lembaga Peperiksaan Malaysia (2008) menyatakan bahawa pihak sekolah hendaklah menyediakan segala peralatan untuk membuat kerja kursus.

Bukan setakat bantuan yang diterima oleh pelajar perlu dilihat tetapi faktor-faktor yang mempengaruhi mereka semasa melaksanakan portfolio juga perlu dikaji. Masalahnya adalah bukan setakat faktor guru pembimbing, rakan sebaya, pihak sekolah tetapi faktor masa dan diri pelajar juga dilihat dapat mempengaruhi mereka semasa melaksanakan portfolio. Seringkali pelajar tidak dapat menghasilkan portfolio mereka atas alasan faktor tempoh masa yang diberikan tidak mencukupi, tidak dapat diuruskan dengan baik dan kekangan daripada tugas subjek-subjek lain serta persediaan menghadapi peperiksaan (Azizah, 2006).

Ilmu dan kemahiran serta pengetahuan sedia ada pada diri pelajar perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebelum melaksanakan penghasilan portfolio. Tanpa elemen-elemen ini pelajar tidak berkeyakinan untuk menghasilkan portfolio seterusnya produk akhir. Didapati bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan sedia ada yang baik lebih bermotivasi untuk belajar dan kurang merasa bimbang berbanding pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada (Siti Hawa, 2005).

Faktor peralatan yang tidak mencukupi akan berkait dengan kewangan pelajar yang terpaksa menampung sendiri perbelanjaan membeli kertas lukisan dan peralatan tersebut. Ibubapa yang tidak mampu memberi perbelanjaan menimbulkan satu lagi masalah kepada pelajar walaupun secara umumnya salah satu fungsi keluarga adalah untuk memberi pendidikan kepada anak-anak di samping perbelanjaan dan perlindungan (Yadav, 2002).

Sebagai kesimpulannya pelaksanaan portfolio oleh guru pembimbing, bagaimana pelajar menerima bantuan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio adalah sangat penting dan perlu diketahui supaya mereka dapat melaksanakan penghasilan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual dengan lancar dan berkesan.

1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual Sijil Pelajaran Malaysia dari aspek pelaksanaan oleh guru pembimbing, bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio mereka. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Melihat dengan jelas bagaimana penghasilan portfolio pelajar dilaksanakan oleh guru pembimbing.

2. Mengetahui bantuan yang diterima oleh pelajar semasa melaksanakan portfolio.
3. Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio.

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Bagaimanakah penghasilan portfolio pelajar dilaksanakan?
2. Bagaimanakah pelajar menerima bantuan semasa melaksanakan portfolio?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual Sijil Pelajaran Malaysia dari aspek pelaksanaan oleh guru pembimbing, bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio mereka. Kajian ini diharap dapat membantu usaha-usaha untuk melancar dan memudahkan pelaksanaan penghasilan portfolio di sekolah-sekolah menengah.

Kajian tentang pelaksanaan portfolio tidak banyak dijalankan seperti bagaimana guru pembimbing menjalankannya mengikut arahan daripada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Namun ada pengkaji yang menjalankan kajian dari aspek yang berbeza seperti Penilaian Portfolio Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah oleh Azizah Hassan (2006) yang menumpukan aspek penilaian dalam portfolio pelajar. Pengkaji berminat menjalankan kajian kerana menyedari kepentingan portfolio sebagai instrumen pentaksiran kerja kursus peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Hasil kajian ini nanti adalah diharap dapat membantu pihak Pusat Perkembangan Kurikulum menilai semula kandungan kurikulum perancangan sedia ada dalam menyediakan garis panduan yang lebih mantap berkaitan cara-cara pelaksanaan portfolio sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual terutama dalam sukatan pelajaran guru-guru tingkatan empat. Analisis dokumen Buku Sumber Guru Pendidikan Seni Visual mendapati cara-cara pelaksanaan hanya secara keseluruhan dan tiada yang berkaitan kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual Sijil Pelajaran Malaysia.

Ini menyebabkan guru-guru Pendidikan Seni Visual tidak dapat menjalankan pelaksanaan penghasilan portfolio di dalam kelas selari dengan kehendak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kajian ini penting memandangkan guru-guru Pendidikan Seni Visual adalah guru-guru pembimbing setelah mereka dilantik oleh pihak sekolah untuk melaksanakan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual Sijil Pelajaran Malaysia.

Sebagai instrumen pentaksiran peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia hasil kajian ini penting kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam menilai dan merangka semula instrumen penilaian ini supaya lebih berkesan. Aspek-aspek yang dinilai merangkumi 75 markah dalam portfolio seperti pengetahuan dan kefahaman, imaginatif, idea, alat dan bahan, proses dan teknik serta nilai perlu bersesuaian dengan kehendak dan soalan bidang tugas yang berlainan antara satu sama lain.

Proses kerja yang dihasilkan dalam portfolio pelajar perlu dinilai berdasarkan kemahiran yang digunakan selari dengan langkah-langkah pelaksanaan. Garis panduan pelaksanaan untuk guru pembimbing menyelia, membimbing, memantau dan menilai perlu dilihat semula dengan lebih terperinci dan bukannya secara holistik.

Hasil kajian ini penting kepada pihak Institusi Pendidikan Guru Malaysia, Universiti dan pihak-pihak yang berkaitan agar dapat menyediakan dan menilai semula program Pendidikan Seni Visual agar tumpuan terhadap portfolio dapat diberikan. Hal berkaitan penting kerana dapat mengeluarkan bakal-bakal pendidik yang kompeten dalam aspek penghasilan portfolio.


Melalui kajian ini dapat membantu pihak sekolah mempertingkatkan usaha dalam memberi bantuan dan menyediakan keperluan-keperluan pelajar. Bantuan-bantuan yang diperlukan adalah sejajar dengan arahan daripada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia supaya pihak sekolah dapat membekalkan kemudahan yang sepatutnya disediakan. Ini bagi mengelakkan timbulnya masalah seperti kewangan pelajar yang terpaksa membeli

peralatan dan bahan sendiri. Kesediaan guru-guru pembimbing juga perlu dikenal pasti agar kekurangan dan kelemahan pengetahuan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi dapat diatasi.

Bagi guru pembimbing pula maklumat yang diperolehi melalui kajian ini penting agar dapat membuat perancangan yang lebih teliti dan relevan sesuai dengan kebolehan pelajar serta memastikan mereka dibekalkan dengan pengetahuan sedia ada yang mencukupi bagi kelancaran proses menghasilkan portfolio. Ini seterusnya dapat membantu guru pembimbing menambahbaik aspek bimbingan bagi setiap individu pelajar, penyeliaan, pemantauan dan penilaian pencapaian pelajar dari semasa ke semasa sepanjang pelaksanaan penghasilan portfolio.

Bagi pelajar hasil kajian ini penting untuk mereka membuat persediaan awal sebelum memulakan proses kerja penghasilan portfolio sama ada dari aspek bimbingan yang sepatutnya mereka terima daripada guru pembimbing, bantuan yang diterima daripada pelbagai pihak dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi mereka semasa melaksanakan penghasilan portfolio. Ini akan dapat membantu pelajar menghasilkan portfolio dengan lebih baik dan mencapai tahap kriteria penskoran yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

1.6 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 Kerangka konseptual

Kerangka konseptual yang diaplikasi dalam penyelidikan ini adalah satu penerangan yang disusun dalam bentuk rajah yang berasaskan kepada beberapa konsep yang akan diperjelaskan dibawah ini.

Guru pembimbing perlu mengetahui cara-cara pelaksanaan penghasilan portfolio kerja kursus KRSV seperti yang diarahkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Bermula dari bulan Februari hingga Julai seperti yang ditetapkan guru pembimbing perlu membuat perancangan yang baik untuk aktiviti-aktiviti yang terlibat semasa penghasilan portfolio oleh pelajar. Perancangan dan pengurusan masa yang diberikan amat penting kerana

setelah menghasilkan portfolio pelajar akan membuat artifak. Ini akan memerlukan masa untuk guru pembimbing dan pelajar melaksanakannya.

Selain daripada mengadakan sesi taklimat guru pembimbing perlu mengetahui tentang aspek penyeliaan proses kerja pelajar dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan aspek membimbing yang mana guru pembimbing perlu mengetahui kelemahan dan kekuatan pelajar yang memerlukan bimbingan semasa melaksanakan proses kerja. Aspek pemantauan dan penilaian hasil kerja pelajar perlu dilakukan dari semasa ke semasa bukan setakat semasa waktu pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi di luar waktu jadual kerana pelajar yang terlibat terdiri daripada pelbagai aliran seperti aliran kemanusiaan dan sains. Pelajar aliran sains memerlukan masa yang berbeza untuk diselia, dibimbing, dipantau dan dinilai.

Semasa melaksanakan penghasilan portfolio pelajar perlu diberi pelbagai jenis dan bentuk bantuan yang bersesuaian dengan mereka. Bantuan guru pembimbing dari aspek-aspek bimbingan, memantau, menilai dan menyelia perlu diberikan kerana pelajar sentiasa berinteraksi dengan guru pembimbing semasa menghasilkan portfolio. Setiap proses kerja yang dijalankan oleh pelajar memerlukan komitmen daripada kedua-dua belah pihak. Peranan yang dimainkan oleh guru pembimbing seharusnya bertepatan dengan kehendak pelajar secara individu dan berkumpulan.

Pihak sekolah tidak terkecuali dalam menyalurkan bantuan samada dari aspek prasarana yang disediakan di bilik seni atau guru-guru lain yang dapat memotivasikan

pelajar. Peralatan dan bahan yang digunakan perlu selari dan mencukupi dengan kehendak tugas pelajar. Perlu dipastikan pelajar tidak menghadapi masalah kewangan dalam menyediakan peralatan dan bahan kerana tidak semua pelajar mampu mengadakan semua peralatan dan bahan sendiri. Penggunaan komputer dan kemudahan Pusat Sumber Sekolah sebagai tempat mencari bahan-bahan rujukan perlu disediakan oleh pihak sekolah. Jadual penggunaan dan guru yang bertugas dapat membantu dan memudahkan pelajar untuk menambah koleksi sumber ilham dan bahan berkaitan soalan tugas.

Pelajar perlu menerima bantuan daripada rakan-rakan sebaya semasa mereka melakukan proses kerja penghasilan portfolio. Kelemahan yang hadapi semasa melukis dan mewarna dapat diatasi dengan adanya kolaborasi dengan rakan-rakan sebaya yang sama-sama terlibat menghasilkan portfolio. Begitu juga dengan rakan-rakan sebaya yang tidak terlibat dengan penghasilan portfolio dapat menyalurkan bantuan seperti mencari sumber ilham dan menambah koleksi bahan serta menggalakkan rakan mereka untuk meneruskan usaha-usaha menghasilkan portfolio.

Guru pembimbing juga dilihat sebagai salah faktor yang mempengaruhi perjalanan penghasilan portfolio. Tanpa guru pembimbing pelajar tidak dapat meneruskan proses kerja dan menghasilkan artifak. Selain daripada guru pembimbing, pihak sekolah juga dapat mempengaruhi pelajar dalam menyiapkan portfolio mereka. Bekalan peralatan dan bahan perlu mencukupi dan bersesuaian dengan kehendak pelajar. Sikap pengetua yang positif terhadap pelajar yang melaksanakan portfolio juga dilihat dapat mempengaruhi perkembangan pelajar.

Selain dari itu rakan sebaya yang prihatin dapat memberi motivasi kepada pelajar. Pelajar perlu diberi peluang untuk bekerja bersama-sama dalam kumpulan rakan sebaya mereka kerana percambahan buah fikiran dapat dilaksanakan. Masa yang diperuntukkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia juga perlu dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi pelajar kerana tanpa pengurusan masa yang baik dan berkesan pelajar tidak dapat menyaipkan tugas mereka. Setiap pelajar mempunyai kemahiran yang berbeza semasa melaksanakan proses kerja penghasilan portfolio seperti melakar, melukis dan mewarna.

Pelajar yang berkemahiran dan mempunyai pengetahuan sedia ada tidak menghadapi masalah untuk meneruskan proses kerja. Namun tanpa kemahiran yang baik dan mencukupi pelajar tidak dapat melaksanakan proses melakar, melukis dan mewarna dengan baik. Selain daripada itu pelajar perlu mempunyai sumber kewangan yang baik untuk persediaan menghadapi pelaksanaan portfolio. Walaupun bekalan peralatan dan bahan disediakan oleh pihak sekolah tetapi sebagai tambahan alat dan bahan pelajar juga perlu ada sumber kewangan yang baik.

Pihak keluarga pelajar dilihat juga sebagai faktor yang boleh mempengaruhi pelajar untuk mereka menghasilkan portfolio yang berkualiti. Adalah penting bahawa keluarga memotivasikan pelajar di samping menyokong dari aspek samada kewangan, emosi dan prihatin terhadap keperluan diri pelajar. Oleh yang demikian penghasilan portfolio dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar apabila maklumat tentang pelaksanaan oleh guru pembimbing, bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dapat dikumpul melalui kajian ini.

1.7 Fokus kajian

Kajian ini terbatas kepada tempat kajian, responden kajian dan tumpuan kajian. Kajian dijalankan di sebuah sekolah menengah harian di pinggir bandar Teluk Intan dalam Daerah Hilir Perak bersandarkan maklumat dan kerjasama pihak pentadbir sekolah, pelajar, guru Pendidikan Seni Visual dan guru pembimbing yang dirujuk untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini.

Kajian ini dijalankan dalam tempoh masa selama 2 bulan (pertengahan Disember 2008 hingga Januari 2009) tetapi berlanjutan sehingga pertengahan bulan Februari 2009. Kajian ini juga terbatas kepada temu bual dengan peserta kajian dan melibatkan dokumen panduan pelaksanaan dan penilaian kerja kursus portfolio dan portfolio yang dihasilkan. Sekolah yang dipilih dalam kajian ini bertepatan dengan pendapat Marshall dan Rossman (1995) iaitu tiada halangan untuk menjalankan kajian. Pengkaji juga dapat membina hubungan yang baik serta saling percaya-mempercayai dengan peserta kajian. Seterusnya sekolah kajian dipilih kerana pengkaji boleh mengumpul data dengan baik serta mewujudkan kerjasama dengan peserta kajian Marshall dan Rossman (1995).

1.8 Definisi operasional

Definisi secara operasional dan mengikut konteks kajian diberikan kepada beberapa konsep yang digunakan bagi tujuan pemahaman dan perbincangan.

1.8.1 Kajian Rekaan Seni Visual

Kajian Rekaan Seni Visual ialah sebahagian daripada instrumen pentaksiran untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual 2611/3 Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian Rekaan Seni Visual merupakan salah satu dari 3 kertas wajib yang mesti diambil oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pelajar perlu menyempurnakan tugas yang diberi dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Pelajar dikehendaki menghasilkan kajian portfolio ke arah penghasilan produk dan menghasilkan produk akhir sebagai artifak. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan oleh guru pembimbing mengikut arahan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam Kajian Rekaan Seni Visual, bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka sepanjang proses kerja menghasilkan portfolio digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian.

1.9 Rumusan

Kajian ini bertujuan adalah untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan portfolio kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual Sijil Pelajaran Malaysia di kalangan pelajar-pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Hilir Perak dari aspek pelaksanaan oleh guru pembimbing, bantuan-bantuan yang diterima oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar semasa melaksanakan portfolio mereka. Isu yang dikenalpasti ini menyebabkan pengkaji ingin membuat kajian untuk cuba merungkaikannya.

Hasil kajian ini nanti adalah diharap dapat membantu pihak-pihak yang terbabit untuk melaksanakan penghasilan portfolio kerja kursus dengan lebih baik dan berkualiti. Peserta kajian yang terlibat adalah seramai 4 orang pelajar tingkatan 5 yang telah selesai melaksanakan portfolio dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2008. Seorang guru pembimbing juga terlibat dalam kajian ini sebagai peserta kajian. Fokus kajian adalah kepada respon temu bual daripada peserta-peserta kajian.

